

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih i-Great Evo. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan :Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")

Nama Produk :i-Great Evo

Tarikh :02/01/2026

1. **Apakah produk ini?**

i-Great Evo merupakan pelan perlindungan Takaful Bertempoh dengan caruman berkala yang memberikan Jumlah Perlindungan Asas apabila berlaku kematian dan Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) ke atas Orang yang Dilindungi. Produk ini juga memberikan tambahan Manfaat Ihsan sebanyak RM2,000 yang dibayar untuk kematian ke atas Orang yang Dilindungi dan didatangkan dengan pelbagai pilihan rider pembayaran caruman yang menyediakan perlindungan berbeza, termasuk tetapi tidak terhad kepada manfaat Penyakit Kritikal, Kemalangan, Kemasukan Hospital dan perlindungan terhadap caruman.

Produk ini matang pada umur 80 tahun hari lahir berikutnya. Kemudian, pelan asas termasuk sebarang rider yang dilampirkan akan dilanjutkan daripada Umur Matang dengan kadar caruman baru tanpa memerlukan sebarang bukti boleh dilindungi, tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Sijil.

Umur Matang	Perlindungan Lanjutan Automatik	Perlindungan Lanjutan Automatik yang seterusnya
Umur 25 hari lahir berikutnya	sehingga 80 hari lahir berikutnya	sehingga 100 hari lahir berikutnya
Umur 80 hari lahir berikutnya	sehingga 100 hari lahir berikutnya	-

Anda boleh menamatkan Lanjutan Automatik dengan memaklumkan Kami sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tempoh matang asal atau tempoh matang lanjutan bagi Sijil.

2. **Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?**

- Wakalah:** Kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* yang mana caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar, di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Akaun Individu Peserta (PIA).
- Mudharabah:** Kami bertindak sebagai usahawan (*Mudharib*) yang menguruskan dana yang dikumpul dan Peserta sebagai pemilik modal (*Rabbul Mal*). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Peserta di atas pulangan pelaburan bagi:
 - (i) Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 50:50 setiapnya;
 - (ii) PIA berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 25:75 setiapnya;yang akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada dan akan dikreditkan ke dalam PIA.
- Tabarru':** Sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Peserta rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.
- Ju'alah:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Peserta akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- Qard :** Pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. *Qard* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

3. **Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Manfaat di bawah pelan ini adalah seperti berikut:

Penerangan	Jumlah Bayaran (RM) / Pelan
Pelan Asas: i-Great Evo	
Manfaat Kematian Apabila berlaku kematian, Jumlah Perlindungan Asas dan sebarang baki jumlah di dalam PIA akan dibayar selagi Sijil berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, jika kematian berlaku sebelum umur 5 tahun umur berikutnya, lien kanak-kanak akan terpakai. <i>Tempoh perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.</i>	500,000.00+ Nilai Tunai, jika ada.
Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) Apabila berlaku HUPK (tertakluk kepada Tempoh Kesinambungan HUPK) sebelum berumur 70 tahun hari lahir berikutnya, Jumlah Perlindungan Asas dari Dana <i>Tabarru'</i> dan sebarang baki jumlah di dalam PIA akan dibayar selagi Sijil berkuat kuasa. Jumlah Perlindungan Asas yang akan dibayar mestilah tidak melebihi RM2,000,000 dibawah semua Sijil termasuk ini dan rider-rider bagi Orang yang Dilindungi yang sama.	500,000.00+ Nilai Tunai, jika ada.

Walau bagaimanapun, jika HUPK berlaku sebelum umur 5 tahun umur berikutnya, lien kanak-kanak akan terpakai dan jumlah maksima yang dibayar bagi HUPK adalah RM500,000 dibawah semua Sijil termasuk ini dan rider-rider bagi Orang yang Dilindungi yang sama. <i>Tempoh perlindungan: 40 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.</i>	
Manfaat Ihsan Apabila berlaku kematian Orang yang Dilindungi, jumlah sebanyak RM 2,000 sekaligus akan dibayar daripada Dana <i>Tabarru'</i> sebagai tambahan kepada manfaat kematian. Pemberian manfaat ini tidak memberi jaminan bahawa Manfaat Kematian dan/atau manfaat yang lain akan dibayar. Liabiliti Kami berhubung dengan Manfaat Kematian dan/atau manfaat lain akan dinilai selepas semua bukti yang memuaskan telah dihantar kepada Kami, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil. <i>Tempoh perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.</i>	2,000
Manfaat Matang Apabila pelan ini matang, baki jumlah di dalam PIA, jika ada, akan dibayar. <i>Kematangan: Di akhir tahun Sijil yang ke - 50</i>	Nilai Tunai, jika ada.

Penerangan	Jumlah Bayaran (RM) / Pelan
Rider Pembayaran Caruman Pilihan	
i-Lifetime Critical Illness Benefit Term Rider (T LCI) Apabila berlaku penyakit kritikal, rider ini akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas bagi pelan asas. 100% Jumlah Perlindungan rider ini akan berbayar apabila berlakunya mana-mana satu daripada penyakit kritikal ("Kejadian yang Dilindungi") ke atas Orang yang Dilindungi Dewasa (berumur 19 tahun hari lahir berikutnya dan ke atas). Walau bagaimanapun, hanya 50% Jumlah Perlindungan rider ini akan dibayar apabila berlakunya mana-mana Kejadian yang Dilindungi ke atas Orang yang Dilindungi Kanak-Kanak (berumur 18 tahun hari lahir berikutnya dan ke bawah). Baki 50% Jumlah Perlindungan Rider akan dibayar apabila berlakunya mana-mana Kejadian yang Dilindungi apabila Orang yang Dilindungi berumur 19 tahun hari lahir berikutnya dan ke atas. Bayaran tuntutan untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dihadkan pada 10% daripada Jumlah Perlindungan rider, tertakluk kepada maksimum RM25,000 setiap Orang yang Dilindungi. Semasa tuntutan di bawah rider ini, Jumlah Perlindungan bagi pelan asas akan dikurangkan sewajarnya. Sila rujuk Apendiks bagi Senarai Kejadian yang Dilindungi. <i>Tempoh Perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.</i>	100,000.00
i-Early Lifetime Critical Illness Benefit Term Rider (T ELCI) Apabila Orang yang Dilindungi didiagnos pada peringkat awal dengan mana-mana penyakit kritikal yang disenaraikan berdasarkan tahap yang dilindungi, rider ini akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas bagi pelan asas dan Jumlah Perlindungan rider bagi T LCI rider. Jumlah Perlindungan rider akan dibayar apabila berlakunya mana-mana penyakit kritikal peringkat awal ("Kejadian yang Dilindungi") di bawah T ELCI. Bayaran tuntutan untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dihadkan pada 10% daripada Jumlah Perlindungan rider, tertakluk kepada maksimum RM25,000 setiap Orang yang Dilindungi, yang mana amaun tersebut akan ditolak daripada Jumlah Perlindungan rider. Semasa tuntutan di bawah rider ini, Jumlah Perlindungan bagi pelan asas akan dikurangkan sewajarnya. Sila rujuk Apendiks bagi Senarai Kejadian yang Dilindungi. <i>Tempoh Perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.</i>	100,000.00
i-Hospitalisation Benefits Term Rider (T HB) Apabila berlaku kemasukan hospital disebabkan sakit atau kecederaan kemalangan, rider ini akan memperuntukkan manfaat harian tunai (manfaat kemasukan hospital). Apabila berlaku suatu tuntutan yang sah, yang berikut akan dibayar:	500.00 sehari

- manfaat kemasukan hospital bagi setiap hari kemasukan di bilik dan penginapan hospital;
 - 1 kali tambahan manfaat kemasukan hospital akan dibayar bagi setiap hari kemasukan hospital di Unit Rawatan Rapi (ICU),
- tertakluk kepada maksimum 150 hari dalam satu tahun sijil dan had seumur hidup keseluruhan sebanyak 500 hari.

Jika suatu tuntutan yang sah (kecuali kecederaan kemalangan) berlaku sebelum umur 3 tahun hari lahir berikutnya, lien kanak-kanak akan digunakan seperti di bawah:

Umur Hari Lahir Berikutnya	Bilik dan Penginapan Hospital	ICU
	Peratusan manfaat kemasukan hospital	
1	50%	100%
2	75%	150%
3 seterusnya	100%	200%

Tempoh Perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.

i-Comprehensive Accident Benefits Xtra Term Rider (T CABX)

Apabila berlaku kematian, HUPK, Hilang Upaya Kekal atau Sementara, disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan, Jumlah Perlindungan rider ini akan dibayar daripada Dana *Tabarru'*. Selain daripada itu, pelan ini akan membayar balik perbelanjaan perubatan dan menyediakan manfaat tanggung rugi mingguan bagi kemasukan hospital di hospital kerajaan Malaysia.

Pelan ini juga turut didatangkan dengan Penambahan Tahunan daripada Dana *Tabarru'*, iaitu Jumlah Perlindungan bagi rider ini akan bertambah sebanyak 5% setiap tahun, berdasarkan Jumlah Perlindungan asal bagi rider sehingga maksimum 150% daripada Jumlah Perlindungan asal rider.

Tempoh Perlindungan: 40 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.

i-Provider Plus Term Rider (T PP)

Apabila Orang yang Dilindungi menghadapi HUPK sebelum berumur 70 tahun hari lahir berikutnya atau penyakit kritikal *("Kejadian yang Dilindungi"), rider ini akan membayar caruman masa hadapan daripada Dana *Tabarru'*.

* Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari dikecualikan.

Sila rujuk Apendiks bagi Senarai Kejadian yang Dilindungi.

Tempoh Perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.

i-Medi Shield Rider (T MSHL150)

Rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk untuk i-Medi Shield Rider untuk maklumat lanjut.

Tempoh Perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.

i-Saver PIA Rider (T SAVER)

Rider ini bertindak sebagai tambah nilai biasa untuk pelan asas bagi tujuan simpanan dan pelaburan. Selepas penyertaan rider ini, 95% daripada caruman rider akan diperuntukkan ke dalam PIA. Tiada sebarang penolakan *Tabarru'* di bawah rider ini.

Nilai Tunai di dalam PIA akan dibayar apabila berlaku kematian, TPD, penamatan atau matang untuk pelan asas, yang mana yang terdahulu.

Tempoh Perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.

100,000.00

7,937.00 Setahun

R&B : T MSHL150

Untuk setiap 5 tahun, R&B akan meningkat sebanyak 20% sehingga maksimum R&B RM300, tertakluk kepada tiada tuntutan.

Untuk setiap 2 tahun, Had Perubatan Keseluruhan (OML) akan meningkat sebanyak 10% sehingga maksimum OML RM300,000, tertakluk kepada tiada tuntutan.

Nilai Tunai di dalam PIA, jika ada.

Jika Lanjutan Automatik telah ditamatkan, apabila Sijil matang mengikut tempoh asal atau tempoh lanjutan Sijil (mana yang berkenaan), Kami akan membayar baki jumlah di dalam PIA (jika ada) setelah ditolak sebarang hutang. Jika Lanjutan Automatik tidak ditamatkan, manfaat ini (jika ada) hanya akan dibayar apabila tempoh lanjutan terakhir bagi Sijil telah matang.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila baca Ilustrasi Manfaat dan Sijil kerana ia memberi penerangan berkenaan manfaat produk dan rider, mana yang berkenaan. Pemilihan pelan dan rider yang dilampirkan yang sesuai dengan keperluan perlindungan anda adalah amat penting.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah caruman yang saya perlu bayar?

Anggaran Caruman berkala yang anda perlu bayar adalah seperti berikut:

Pelan Asas / Rider	Tempoh Pembayaran Caruman	Caruman Tahunan (RM)	Caruman Tahunan (RM)
Pelan Asas: i-Great Evo			
Manfaat Kematian/ HUPK	50	4,245.00	4,245.00
Rider Pembayaran Caruman Pilihan			
T LCI	50	552.00	552.00
T ELCI	50	300.00	300.00
T HB	50	840.00	840.00
T CABX	40	680.00	680.00
T PP	50	610.50	610.50
T SAVER	50	2,000.00	2,000.00
T MSHL150	50	2,172.00	2,172.00
JUMLAH PELAN ASAS & RIDER (RM)		11,399.50	11,399.50

Nota:

- Kadar caruman adalah diguna pakai bagi risiko standard. Caruman yang anda perlu bayar dan terma sijil mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Kami.
- Caruman baharu yang dibayar bagi perlindungan lanjutan mungkin berbeza dan adalah berdasarkan umur hari lahir berikut Orang yang Dilindungi semasa Lanjutan Automatik bagi Sijil dan sebarang keputusan pengunderaitan yang dikenakan pada Sijil sebelum Lanjutan Automatik.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Caj Pendahuluan** adalah amaun yang ditolak terdahulu dari PIA (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan / atau cukai-cukai lain, jika ada), yang terdiri daripada:
 - kos pengedaran langsung termasuk komisen pengantara, dan
 - perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM10.
 Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk perincian mengenai Caj Pendahuluan.
- Tabarru'** akan ditolak secara bulanan daripada PIA, sebagai tujuan menyediakan perlindungan dan menampung tuntutan ke atas kejadian/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* mungkin akan meningkat mengikut umur anda. Kadar *Tabarru'* dan caruman berbeza mengikut umur hari lahir berikutnya, jantina, status merokok dan kelas pekerjaan, mana yang berkenaan, pada setiap ulang tahun sijil. Huraian *Tabarru'* dan caj lain bagi pelan ini dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat dan/atau sijil. *Tabarru'* dan caruman adalah tidak dijamin dan boleh berubah dari semasa ke semasa. Kami berhak untuk mengubah *Tabarru'* dan caruman dengan memberi notis 30 hari (untuk manfaat Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHT)) dan 3 bulan (untuk selain daripada manfaat MHT) secara bertulis terlebih dahulu, di mana perubahan tersebut (jika ada) adalah bertujuan berdasarkan pengalaman tuntutan Kami, kos rawatan perubatan, teknologi perubatan yang lebih maju atau keadaan yang wajar yang lain. Perubahan-perubahan ini akan diguna pakai untuk semua sijil tidak mengira pengalaman tuntutan individu.
- Caruman** yang dinyatakan dalam Soalan 4 di atas mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika berkenaan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj di bawah pelan ini dan rider yang dilampirkan.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

Terma Umum & Syarat

- Kepentingan untuk Membuat Pendedahan** - anda mestilah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan (yang mana berkenaan) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh Rujukan Percuma** - Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda dalam masa lima belas (15) hari setelah menandatangani Resit Pengakuan atau e-Pengakuan setelah menerima Sijil atau e-Sijil (yang mana berkenaan), melalui pemberitahuan bertulis kepada Kami. Kami akan kembalikan sebarang Caruman yang telah dibayar berkenaan dengan Sijil ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada.
- Tempoh Tenggang** - anda mempunyai tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh caruman berikut perlu dibayar untuk membayar caruman.
- Tempoh Kesenambungan HUPK** - sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya.

- **Prosedur Tuntutan** - borang tuntutan boleh didapati daripada laman web Kami. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat. Bagi tuntutan, adalah dinasihatkan untuk memberitahu Kami serta merta.

T MSHL150

- **Tempoh Menunggu** - kelayakan untuk kejadian yang dilindungi akibat penyakit hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula bagi rider ini, mana yang kemudian. Bagi penyakit tertentu, tempoh menunggu selama 120 hari akan terpakai. Tiada Tempoh Menunggu untuk kemalangan kecemasan bagi pesakit luar dan dalam.
- **Penyelarasan Manfaat** - Kami akan memberi pampasan mengikut dasar bersekadar jika anda mempunyai perlindungan kemasukan hospital lain dalam bentuk pembayaran balik dengan Kami atau sumber lain, atau sedang menerima pampasan daripada sumber lain bagi kecederaan atau sakit atau penyakit.
- **Menetap di Luar Negara** - tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang yang Dilindungi di luar Malaysia, jika Orang yang Dilindungi menetap atau melancong di luar Malaysia lebih daripada 90 hari berturut-turut.
- **Rawatan di Luar Negara** - Jika Orang yang Dilindungi memilih, atau dirujuk untuk dirawat di luar Malaysia, manfaat rawatan tersebut adalah terhad kepada bayaran munasabah dan biasa untuk rawatan tempatan yang setara di Malaysia dan kos pengangkutan ke tempat rawatan akan dikecualikan.
- **Amaun Deduktibel** - Kami akan membayar balik / bayar perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya yang berlaku untuk semua manfaat yang dilindungi, yang melebihi daripada jumlah deduktibel RM1000 seperti yang dinyatakan diatas dan di dalam Jadual Manfaat dalam Sijil.
- **Takaful Bersama** - anda perlu membayar 20% daripada jumlah kos perubatan yang melebihi jumlah Had Perubatan Keseluruhan bagi T MSHL150.

T LCI, T ELCI, T PP

- **Tempoh Menunggu** - kelayakan untuk perlindungan penyakit kritikal hanya akan bermula 30 hari atau 60 hari (bergantung kepada jenis penyakit kritikal) selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, mana yang kemudian.
- **Tempoh Hidup** - manfaat akan dibayar selepas Orang yang Dilindungi atau Pencarum (bergantung kepada rider yang dilampirkan) hidup sekurang-kurangnya tujuh (7) hari selepas hari diagnosis penyakit kritikal.

T HB

- **Tempoh Menunggu** - kelayakan untuk manfaat kemasukan hospital akibat penyakit hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula bagi rider ini, mana yang kemudian.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi terma dan syarat di bawah pelan ini dan rider yang dilampirkan.

7. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?

i-Great Evo

- **Manfaat Kematian**
 - Bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berkuat kuasa atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
- **Manfaat HUPK**
 - Disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras;
 - Disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual biasa; atau
 - HUPK yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa pelan atau pada sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian;

T LCI, T ELCI

- Kecederaan badan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Penyakit kritikal yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula bagi rider ini, mana yang kemudian.

T MSHL150

- Penyakit sedia ada.
- Penyakit tertentu yang berlaku dalam masa 120 hari pertama dari tarikh berkuat kuasa rider ini.
- Sebarang rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia, jika anda menetap atau melancong di luar Malaysia lebih daripada 90 hari berturut-turut.
- Bersalin
- Keabnormalan kongenital.
- Kecederaan kemalangan atau penyakit yang diakibatkan oleh perlumbaan.
- Pembedahan kosmetik atau plastik.
- Rawatan pergigian atau pembedahan mulut.

T HB

- Keadaan sedia ada.
- Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.

T CABX

- Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- Penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan komersil berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.

T PP

- Kecederaan badan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Penyakit kritikal yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula bagi rider ini, mana yang kemudian.
- HUPK yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula rider ini, mana yang kemudian.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah pelan ini dan rider yang dilampirkan.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan sijil ini, dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang sijil ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Menyertai pelan Takaful Keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar caruman dalam Tempoh Tenggang selama 30 hari, sijil anda mungkin luput. Nilai tunai terkumpul yang mungkin anda terima apabila anda membatalkan sijil sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah caruman keseluruhan yang anda telah bayar.

Anda boleh membatalkan rider(-rider) ini dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Apabila anda membatalkan rider(-rider) ini, manfaat di bawah rider(-rider) ini akan diberhentikan dan nilai serahan bagi rider anda yang merupakan sebahagian daripada PIA akan dikembalikan kepada anda sekiranya berlaku penamatan pelan asas.

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya. Anda juga boleh membuat dan mengemaskini penamaan anda melalui portal pelanggan dalam talian kami, *i-Get In Touch* di igetintouch.greateastertakaful.com.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Keluarga dan Perubatan dan Kesihatan Takaful, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern,
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8888

Faks : (603) 4259 8000

Careline : 1300-1300 88

E-mel : i-greatcare@greateastertakaful.com

Laman Web : www.greateastertakaful.com

11. Jenis perlindungan lain yang serupa.

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HENDAKLAH MEMILIH SIJIL YANG MENEPATI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA SERTAI. ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA RIDER(-RIDER), JIKA ADA, AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA JUMLAH CARUMAN DI BAWAH SIJIL INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada 02/01/2026.

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Risalah Pemberitahuan Produk menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum menyertai rider takaful perubatan dan kesihatan yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda harus membaca Sijil Takaful anda dengan teliti untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perlindungan anda.

KETAHUI LEBIH LANJUT:

Sila rujuk Appendix bagi maklumat lanjut.

Langkah 1 Adakah Rider Perubatan ini sesuai untuk anda?

- Rider perubatan ini menyediakan perlindungan bagi perbelanjaan kemasukan hospital dan perbelanjaan pembedahan ("H&S") yang ditanggung untuk penyakit yang dilindungi di bawah sijil ini sehingga umur 80 tahun pada hari lahir berikutnya atau Tarikh matang pelan asas, yang mana lebih awal.
- Sebahagian daripada caruman Takaful anda akan digabungkan bersama caruman peserta Takaful lain bagi membayar tuntutan. Jika jumlah tuntutan yang dibayar daripada dana tersebut adalah tinggi, caruman Takaful bagi semua peserta Takaful dalam dana yang sama mungkin akan meningkat, termasuk caruman Takaful anda **walaupun anda tidak membuat sebarang tuntutan**.

Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

Apa yang dilindungi?

- Bilik dan Penginapan Hospital: RM 150
 - Perbelanjaan pembedahan: Seperti yang dicaj.
- Manfaat yang dibayar adalah tanpa tunai* dan tertakluk kepada:
- Had perubatan keseluruhan: RM 100,000
 - Had tahunan keseluruhan dan seumur hidup: Tidak terpakai

Apakah yang tidak dilindungi?

- Keadaan perubatan yang anda alami, atau mempunyai simptom, sebelum menyertai pelan tersebut (iaitu keadaan sedia ada)
- Penyakit tertentu (cth. hipertensi, diabetes)
- Penyakit yang memerlukan kuarantin undang-undang kecuali untuk penyakit COVID-19 bagi Orang yang Dilindungi yang telah divaksin sepenuhnya atau tidak divaksin disebabkan ketidaklayakan.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca Sijil Takaful anda dengan teliti bagi maklumat penuh mengenai apakah yang dilindungi dan tidak dilindungi.

*Kemudahan tanpa tunai hanya terpakai untuk senarai hospital panel kami sahaja dan pengeluaran surat jaminan tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful.

Langkah 3 Adakah anda mampu untuk menampung peningkatan caruman Takaful dari semasa ke semasa?

Jadual Unjuran Caruman Takaful


Umur hari lahir berikutnya	Caruman Takaful semasa berdasarkan umur hari lahir berikut yang dicapai (RM)	Anggaran caruman Takaful		Dalam jangka masa panjang, anda boleh mengurangkan caruman Takaful yang dibayar dengan memilih pelan yang mempunyai:
		Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 7% ¹ setahun (RM)	Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 10% setahun (RM)	
30	2,172.00	2,172.00	2,172.00	(a) Deduktibel yang lebih tinggi. (b) Had tahunan/ seumur hidup yang lebih rendah.
35	2,172.00	3,046.34	3,498.03	
40	2,172.00	4,272.65	5,633.61	
45	2,172.00	5,992.62	9,072.98	
50	2,172.00	8,404.95	14,612.13	

- Unjuran di atas adalah untuk **tujuan ilustrasi sahaja**.
- Caruman Takaful dipengaruhi oleh kedua-dua peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh peserta Takaful. Ini boleh mengakibatkan kadar inflasi perubatan yang sebenar adalah lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang melaksanakan langkah-langkah pembendungan kos yang diperlukan dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan sumbangan caruman takaful dari semasa ke semasa.
- Sebahagian besar daripada caruman Takaful anda akan digunakan untuk membayar tuntutan. Secara purata, bagi setiap RM1.00 Caruman Takaful yang dibayar, RM0.72² diperuntukkan bagi membayar tuntutan. Baki selebihnya akan digunakan bagi membayar komisen kepada pengantara, perbelanjaan pengurusan dan keuntungan bagi pengendali takaful.

Unjuran tersebut belum menggambarkan potensi semakin semula kadar perubatan di masa hadapan dan Caruman Takaful mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan.

¹Ini adalah peningkatan tahun ke tahun dalam kos rawatan secara purata yang dibilkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023. Ini tidak mengambil kira peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan pada masa hadapan.

²Ini berdasarkan data secara purata bagi industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman tuntutan pelan yang anda sertai mungkin berbeza daripada industri secara purata.



Langkah 4 Apakah perkara lain yang perlu anda ketahui?

- Anda mesti menjawab soalan yang kami ajukan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang wajar dalam menjawab soalan mungkin mengakibatkan tuntutan anda tidak diluluskan atau penamatan Sijil Takaful anda.
- Jika anda memutuskan bahawa anda tidak mahu meneruskan Sijil Takaful ini dalam masa 15 hari kalendar selepas Sijil Takaful dihantar kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan Sijil Takaful anda dan menerima pemulangan penuh (ditolak sebarang perbelanjaan untuk ditanggung bagi pemeriksaan perubatan).
- Perlindungan anda hanya akan bermula selepas tempoh menunggu di bawah ini dari tarikh permulaan rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana yang terdahulu.

Keadaan	Tempoh Menunggu
Penyakit lain	30 hari
Penyakit tertentu	120 hari

- Caj pendahuluan (yuran *wakalah*)¹ yang perlu anda bayar adalah RM8,471 atau 7.80% daripada jumlah caruman Takaful sepanjang 6 tahun, di mana komisen kepada perantara adalah RM3,475 atau 3.20% dan perbelanjaan pengurusan adalah RM4,996 atau 4.60%. Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca Sijil Takaful anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh mengenai terma dan syarat utama.

¹Angka-angka ini adalah berdasarkan caruman Takaful semasa apabila umur meningkat.

Langkah 5 Adakah anda telah mempertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

Nama	Produk Dicadangkan	Pilihan Produk Alternatif	
	i-Medi Shield Rider Pelan 150	Pilihan 1 i-Medi Shield Step Up Rider Pelan 150	Pilihan 2 i-Medi Evolusi Rider Pelan 150
Caruman Takaful Tahunan¹	RM6,417.00 <i>Ini termasuk caruman tahunan bagi i-Great Evo dan i-Medi Shield Rider</i>	RM5,901.00 <i>Caruman Takaful tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM516.00</i>	RM6,081.00 <i>Caruman Takaful tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM336.00</i>
Jenis Caruman	Caruman Tetap - Caruman adalah tetap sehingga tamat tempoh sijil	Caruman Meningkat - Caruman meningkat mengikut umur yang dicapai	Caruman Tetap - Caruman adalah tetap sehingga tamat tempoh sijil
Jenis	Kemudahan tanpa tunai ³ <i>'Kami membayar terus kepada hospital'</i>	Kemudahan tanpa tunai ³ <i>'Kami membayar terus kepada hospital'</i>	Kemudahan tanpa tunai ² <i>'Kami membayar terus kepada hospital'</i>
Tempoh Perlindungan	Sehingga 80 tahun hari lahir berikutnya <i>'Pembaharuan dijamin tetapi kadar Caruman Takaful tidak dijamin'</i>	Sehingga 80 tahun hari lahir berikutnya <i>'Pembaharuan dijamin tetapi kadar Caruman Takaful tidak dijamin'</i>	Sehingga 80 tahun hari lahir berikutnya <i>'Pembaharuan dijamin tetapi kadar Caruman Takaful tidak dijamin'</i>
Ko-takaful/ Deduktibel	Deduktibel RM1,000 bagi setiap satu hilang upaya (20% Ko-takaful dikenakan jika melebihi Had Perubatan Keseluruhan, OML)	Deduktibel RM1,000 bagi setiap satu hilang upaya (20% Ko-takaful dikenakan jika melebihi Had Perubatan Keseluruhan, OML)	Deduktibel RM500 bagi setiap tahun sijil. Rawatan pesakit luar: 5% ko-takaful sehingga RM500 setiap tahun sijil. Tambahan 20% ko-takaful sehingga RM20,000 bagi setiap tahun sijil akan dikenakan sekiranya The Great Journey tidak dipatuhi.
Bilik dan Penginapan Hospital	RM150 sehari	RM150 sehari	RM150 sehari
Perbelanjaan pembedahan	Seperti caj yang dikenakan	Seperti caj yang dikenakan	Seperti caj yang dikenakan
Had Perubatan Keseluruhan	RM100,000	RM100,000	Tidak berkenaan

Had Tahunan Keseluruhan	Tidak berkenaan, tertakluk kepada OML sebanyak RM100,000	Tidak berkenaan, tertakluk kepada OML sebanyak RM100,000	RM1,500,000
Had Seumur Hidup	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
• Deduktibel: Amaun tetap yang perlu anda bayar sebelum perlindungan sebenar anda bermula. Sebagai contoh, deduktibel RM500 bermaksud anda perlu membayar RM500 dari poket anda sendiri dan kami akan membayar bakinya (hingga had yang berkaitan). • Ko-takaful: Peratusan tetap daripada caj perubatan yang perlu anda bayar. Sebagai contoh, ko-takaful sebanyak 20% bermaksud anda hanya perlu membayar 20% daripada setiap bil perubatan (hingga had berkaitan), dan kami akan menanggung 80%. • Had Perubatan Keseluruhan (OML): Jumlah tuntutan maksimum dalam setahun selepas 20% ko-takaful dikenakan apabila melebihi had tersebut. • Had Tahunan Keseluruhan: Jumlah maksimum yang boleh anda tuntutan dalam setahun. • Had Seumur Hidup: Jumlah maksimum yang boleh anda tuntutan sepanjang hayat anda.			

Jadual ini tidak merangkumi semua ciri produk yang dibandingkan. Sila rujuk kepada kami/pengantara anda untuk maklumat lanjut mengenai perbezaan ciri produk-produk ini.

- ¹ Caruman Takaful Tahunan yang perlu anda bayar dan terma Sijil Takaful mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan.
- ² Kemudahan tanpa tunai bagi i-Medi Evolusi hanya terpakai untuk senarai hospital di bawah The Great Journey kami dan jika pelanggan mematuhi The Great Journey sahaja dan pengeluaran surat jaminan adalah tertakluk kepada terma dan syarat sijil takaful.
- ³ Kemudahan tanpa tunai hanya terpakai untuk senarai hospital panel kami sahaja dan pengeluaran surat jaminan tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Note: Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up i-Great Evo. Be sure to also read the general terms and conditions.

Name of Financial Service Provider : Great Eastern Takaful Berhad ("Takaful Operator", "Us", "We", "Our")
 Name of Product : i-Great Evo
 Date : 02/01/2026

1. What is this product about?

